*Tarikh Dibaca: 01 SEPTEMBER 2017M I 10 ZULHIJJAH 1438H*

# KHUTBAH 'IDUL ADHA

***Tajuk:***

***"HAKIKAT SEBUAH PENGORBANAN"***

*****

***Terbitan:***
***Unit Khutbah***
***Bahagian Pengurusan Masjid***
***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***

# SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2017

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
   **Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**

2. **SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)**
   **Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**

3. **Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
   **Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**

4. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)**
   **Pensyarah, Universiti Selangor**

5. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**
   **Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**

6. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
   **Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**

7. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
   **Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**

8. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
   **Ketua Penolong Mufti (Fatwa), Jabatan Mufti Negeri Selangor**

9. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
   **Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

10. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
    **Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**

11. **Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
    **Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**

# "HAKIKAT SEBUAH PENGORBANAN"

اَللّٰهُ اَكْبَرُ   اللّٰهُ اَكْبَرُ   اَللّٰهُ اَكْبَرُ
اَللّٰهُ اَكْبَرُ   اللّٰهُ اَكْبَرُ   اَللّٰهُ اَكْبَرُ
اَللّٰهُ اَكْبَرُ   اللّٰهُ اَكْبَرُ   اَللّٰهُ اَكْبَرُ
لَااِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَاللهُ اَكْبَرُ، اَللهُ اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ
اَللهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَاَصِيْلًا
لآ اِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ.
اَلْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا يُوَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِئُ مَزِيْدَة، يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيْمِ سُلْطَانِكَ.
اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلّا اللَّهُ وَحْدَهُ لآ شَرِيْكَ لَهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ
اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْن

اَمَّابَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُوْنَ! اِتَّقُوْا اللهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَىٰ: يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ.

اَللّٰهُ اَكْبَرُ اللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Saya berpesan kepada diri saya dan seluruh muslimin muslimat yang hadir di pagi 'Idul Adha yang mulia ini, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua digolongkan dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bertakwa dan diredhai-Nya di dunia hinggalah ke hari akhirat.

Di pagi 'Idul Adha ini, khatib mengajak muslimin muslimat sekalian untuk mendengar dan menghayati khutbah 'Idul Adha yang bertajuk: **"*HAKIKAT SEBUAH PENGORBANAN*".**

**Muslimin dan muslimat yang berbahagia,**

Pagi ini, sekali lagi kita bertakbir membesarkan Allah, kalau 'Idul fitri yang lalu kita dituntut bertakbir sehingga khutbah 'Idul fitri sahaja. Tetapi 'Idil Adha kita disunatkan bertakbir bermula selepas solat subuh 9 Zulhijjah sehingga sebelum terbenam matahari 13 Zulhijjah. 'Idul Adha adalah fasa kedua iaitu fasa untuk membuktikan keimanan kita yang sebenar-nya seperti yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail alaihima al-salam yang telah berjaya membuktikan kesungguhan hakikat

iman mereka yang sebenar, sehingga Allah menggantikan kibas sebagai ibadat korban kepada Allah SWT.

Sesungguhnya, 'Idul Adha menyingkap tragedi penting dalam Islam, ia melibatkan seorang bapa dengan seorang anak yang memberi erti hakikat pengurbanan sebenar-benarnya kepada Allah SWT. Mereka ialah Nabi Allah Ibrahim AS dan anaknya Nabi Ismail AS. Allah SWT telah merakamkan peristiwa penting itu dalam surah al-Saffat, ayat 102 dengan firman-Nya;

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ ٱلسَّعْيَ قَالَ يَٰبُنَيَّ إِنِّيٓ أَرَىٰ فِي ٱلْمَنَامِ أَنِّيٓ
أَذْبَحُكَ فَٱنظُرْ مَاذَا تَرَىٰۚ قَالَ يَٰٓأَبَتِ ٱفْعَلْ مَا تُؤْمَرُۖ
سَتَجِدُنِيٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٠٢

*"Maka tatkala anaknya itu sampai kepada peringkat umur yang membolehkan dia berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab; "Wahai bapaku! jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, Insya Allah! ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar".*

اَللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

**Hadirin Hadhirat, muslimin dan muslimat yang dikasihi Allah,**

Dapatkah kita bayangkan, bagaimana perasaan seorang bapa terhadap anak yang dikasihi, anak yang paling disayangi semenjak lahir, dibelai ditimang dengan penuh kemanjaan, bagaikan hati belahan jiwa, tidak boleh berpisah walau seketika, tiba-tiba turun perintah untuk

dipisahkan dengan cara yang sangat menyayat hati. Betapa tidak! Kerana anak itu anak yang dipohon sekian lama, anak yang dikurniakan Allah setelah doa demi doa dipohon dengan penuh harapan, anak itu anak terbilang, anak itu anak yang saleh. Anak yang sangat menggembirakan Nabi Allah Ibrahim AS.

Tetapi atas dasar tingginya cinta Nabi Ibrahim AS kepada anaknya itulah, maka Allah perintahkan korban, untuk melihat sejauh mana Nabi Ibrahim sanggup mengorbankan anak yang disayangi itu demi menjunjung perintah Allah. Sebaliknya anak manakah yang benar-benar sanggup patuh kepada orang tuanya sekalipun terpaksa mengurbankan nyawanya sendiri demi mematuhi perintah Allah dengan penuh redha? Inilah hakikat pengurbanan yang tinggi, sebagai lambang kekuatan iman yang suci, menjadi syiar kebesaran 'Idil Adha hingga sekarang ini. Penyembelihan binatang qurban yang disyariatkan pada setiap kali menjelangnya 'idil adha itu, membawa syiar bahawa, Allah lebih bernilai dari segala harta kekayaan. Allah lebih tinggi dari segala kecintaan. Maka anak bukanlah alasan yang boleh dijadikan halangan kepada sebuah pengurbanan, kerana hakikatnya tidak ada satu pengurbanan pun yang lebih bernilai dan lebih suci dari pengurbanan untuk tunduk mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan sepenuh keredhaan.

اَللّٰهُ اَكْبَرُ اللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

**Hadirin Hadhirat, muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail 'alaihima al-salam telah berjaya membuktikan hakikat pengurbanan yang sebenar mereka, adapun selain nyawa, seperti harta kekayaan, pangkat kebesaran, nama dan kedudukan, wang ringgit, saham dan rumah kediaman adalah merupakan harta dunia yang dipinjamkan Allah, ianya tidak kekal, harta dunia tidak menjanjikan

kita hakikat kebehagiaan dan kesenangan sebenar, ada orang yang berharta, hidup sangsara, seperti Qarun yang ditelan bumi. ada orang yang berpangkat besar dan berkedudukan tinggi, seperti firun telah ditenggelamkan Allah dan mati di laut dengan kemurkaan Allah.

Ini menunjukkan bahawa bukan harta sebenarnya yang memberikan seseorang itu hidup senang, bukan pangkat dan keududukan yang memberikan seseorang itu bahagia. Tetapi hakikat kesenangan, hakikat kebahagiaan itu adalah suatu pemberian yang dianugerahkan Allah SWT kepada seseorang yang dikehendaki-Nya.

اَللّٰهُ اَكْبَرُ اللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

**Hadirin Hadhirat, muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya kita dijadikan untuk tujuan mengabdikan diri kepadaNya, itulah jalan untuk kita menuju ke arah kebahagiaan yang hakiki dan kesenangan yang abadi untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Muhammad Mustafa Abu al-'Ala seorang sufi pernah berkata;

اِلَهِي اَنْتَ مَقْصُوْدِي وَرِضَاكَ مَطْلُوْبِي

*"Tuhanku! Engkaulah sahaja tujuan hidupku*
*Dan hanya keredhaan-Mu sahajalah yang menjadi tuntutanku".*

اَللّٰهُ اَكْبَرُ اللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

**Hadirin Hadhirat, muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Hari ini jemaah haji telah bergerak dari Arafah menuju ke Muzdalifah, berpakaian ihram serba putih bersih melambangkan hakikat kudusnya hati mereka menuju Allah dengan ucapan talbiyah sebagai menyahut panggilan Allah, tidak menyengutukan Allah, tidak ada yang mereka ingat

melainkan Allah, begitulah putih dan bersihnya hati dan tujuan mereka. Mereka akan bertahallul, sebagai lambang membuang hakikat kesombongan yang ada dalam diri mereka. Yang besar dan agong hanyalah Allah SWT, yang mereka cinta dan kasih hanyalah kepada Allah SWT. Itulah yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim dan anaknya nabi Ismail 'Alaihima al-Salam.

Pada pagi 'Idil Adha yang mulia ini, marilah kita sama-sama mengambil pengajaran tentang hakikat sebuah pengorbanan seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah beriman dan yakin bahawa Allah menuntut kita melakukan pengorbanan adalah semata-mata untuk tujuan mengabdikan diri kepada Allah SWT.

2. Ibu bapa hendaklah mendahulukan Allah dalam segala tindakannya dengan tidak menjadikan anak sebagai halangan untuk mentaati perintah Allah.

3. Anak-anak wajiblah menghormati ibu bapa dan membantu mereka dalam melaksanakan perintah Allah SWT dan dilarang sama sekali menderhakai kedua-dua mereka.

4. Umat Islam sangat disunatkan melakukan ibadat qurban dengan kemampuan yang ada, sebagai lambang pengorbanan terhadap Allah dan mudah-mudahan mendapat takwa di sisi Allah SWT.

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

لَن يَنَالَ ٱللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَٰكِن يَنَالُهُ ٱلتَّقۡوَىٰ
مِنكُمۡۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمۡ لِتُكَبِّرُواْ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمۡۗ
وَبَشِّرِ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٣٧

*"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadanya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya".*

*(al-Haj : 22).*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

اَللّٰهُ اَكْبَرُ اللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ

لَااِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَاللهُ اَكْبَرُ

اَللهُ اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

**********

**Osman/Nurul**
**22.08.2017**

# KHUTBAH KEDUA

اَللّٰهُ اَكْبَرُ اللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ
اَللّٰهُ اَكْبَرُ اللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَر اللّٰهُ اَكْبَرُ
لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ
اَللّٰهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا، وَالْحَمْد لِلّٰهِ كَثِيْرًا، وَسُبْحَانَ اللّٰهِ بُكْرَةً وَاَصِيْلًا

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا لِلْاِسْلَامِ بِرَحْمَتِهِ وَكَرَمِهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ
وَأَفْضَلُ رُسُلِهِ نَبِيِّنَا مُحَمَّد، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ، وَالسَّائِرِيْنَ عَلَى سُنَّتِهِ.
اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ،
اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.
اَمَّابَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوْا اللهَ، أُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْن.

اللّٰهُ اَكْبَرُ اللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَر وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِي يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيماً، اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّد كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْم وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْم، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْن إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ. اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ، اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُجِيْبُ الدَّعْوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اَللَّهُمَّ أَعِزَّ اْلِاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالْيَهُوْدِي فِي الأَقْصَى وَالْفَلَسْطِيْن، اَللَّهُمَّ انْصُرْ اِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُجَاهِدِيْنَ وَالْمُسْتَضْعَفِيْنَ فِى كُلِّ مَكَانٍ.

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَآئِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ

تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلاَلَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَان سلاڠور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج ابنِ الْمَرْحُوْم سُلْطَان صَلاحُ الدِّين عبد العزيز شاه الحاج.

اَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلاَمَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاڠور، تڠكو أَمِير شَاه اِبْنِ سُلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج فِيْ أَمْنٍ وَصَلاَحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَاالْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلاَدِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِى الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى الْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ! اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيْتَاءِ ذِى الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغِي يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعْمَهُ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ

مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.

اللّهُ اَكْبَرُ اَللّهُ اَكْبَر اللّهُ اَكْبَرُ

لَااِلَهَ اِلَّا اللّهُ وَاللّهُ اَكْبَرُ اَللّهُ اَكْبَرُ وَلِلّهِ الْحَمْدُ.

*********